

Noor Enfendi bin Desa, Abdul Aziz Zalay @ Zali (Dr.), Noor A'yunni Muhammad (2017). Kritikan Terhadap Politik Kepimpinan Melalui Penghasilan Karya Seni. *Idealogy*, 2(2) : 122-129, 2017

Kritikan Terhadap Politik Kepimpinan Melalui Penghasilan Karya Seni

Noor Enfendi bin Desa¹, Abdul Aziz Zalay @ Zali (Dr.)², Noor A'yunni Muhammad³

^{1,2}Universiti Pendidikan Sultan Idris

³Fakulti Seni Lukis & Seni Reka

Universiti Teknologi MARA

32610, Seri Iskandar Campus Perak, Malaysia

enfendi@yahoo.com

abdul.aziz@fskik.upsi.edu.my

noora691@uitm.edu.my

Abstrak.

Demokrasi adalah suatu ideologi politik yang lahir dari evolusi pemikiran liberalisme yang mana lebih menekankan kepada kebebasan dan kedaulatan yang mengagung-agungkan individualisma. Penulisan ini, lebih memfokuskan kepada kritikan terhadap suasana politik secara sindiran melalui penyampaian karya seni. Politik adalah proses dan cara untuk membuat keputusan untuk sesuatu kumpulan. Apakah itu politik? Politik didefinisikan dengan sangat variatif, samaada berpandangan positif mahupun negatif. Politik sering diterjemahkan dengan penggunaan kuasa atau kemenangan, suatu proses membuat keputusan secara kolektif, peruntukan masa yang terhad, atau sebagai arena pertarungan kepentingan yang penuh muslihat. Secara lebih ringkas dalam binaan politik Malaysia adalah berbau perkauman. Justeru ini menyebabkan banyak dasar-dasar yang dibentuk oleh kerajaan adalah terpengaruh dengan binaan politik yang bentuk oleh pendapat umum yang berbau perkauman. Malah sejak awal penubuhan Malaysia, fenomena ini sering menjadi penentu dalam tindak-tanduk kerajaan. Satu contoh dari hal ini adalah penyingkiran Singapura dari Persekutuan Malaysia (Leifer, 1977)

Demokrasi adalah suatu ideologi politik yang lahir dari evolusi pemikiran liberalisme yang mana lebih menekankan kepada kebebasan dan kedaulatan yang mengagung-agungkan individualisma. Penulisan ini, lebih memfokuskan kepada kritikan terhadap suasana politik secara sindiran melalui penyampaian karya seni. Politik adalah proses dan cara untuk membuat keputusan untuk sesuatu kumpulan. Apakah itu politik? Politik didefinisikan dengan sangat variatif, samaada berpandangan positif mahupun negatif. Politik sering diterjemahkan dengan penggunaan kuasa atau kemenangan, suatu proses membuat keputusan secara kolektif, peruntukan masa yang terhad, atau sebagai arena pertarungan kepentingan yang penuh muslihat. Secara lebih ringkas dalam binaan politik Malaysia adalah berbau perkauman. Justeru ini menyebabkan banyak dasar-dasar yang dibentuk oleh kerajaan adalah terpengaruh dengan binaan politik yang bentuk oleh pendapat umum yang berbau perkauman. Malah sejak awal penubuhan Malaysia, fenomena ini sering menjadi penentu dalam tindak-tanduk kerajaan. Satu contoh dari hal ini adalah penyingkiran Singapura dari Persekutuan Malaysia (Leifer, 1977).

“Politik adalah ilmu dan kemahiran. Ia merupakan ilmu kerana ia mempunyai prinsip-prinsip dan disiplin-disiplin tertentu yang keseluruhannya membentuk ilmu politik”.
(Khalid Ali Muhammad Al-Anbariy, 2008)

Politik adalah 'sains master': iaitu, tidak kurang daripada aktiviti di mana manusia cuba untuk memperbaiki kehidupan mereka dan mewujudkan Persatuan Baik. Politik adalah, di atas semua, aktiviti sosial. Ia memang satu dialog, dan tidak pernah monolog. Individu bersendirian seperti Robinson Crusoe boleh dapat membangunkan ekonomi yang mudah, menghasilkan seni, dan sebagainya, tetapi mereka tidak boleh melibatkan diri dalam politik (Benjamin Jowett, 1999) Perbezaan pendapat yang terletak di tengah-tengah pandangan politik juga meliputi sifat subjektif dan bagaimana ia perlu dikaji. Tidak semua keputusan yang dibuat oleh pemimpin mendapat sokongan dan keputusan yang positif. Oleh itu, rasa tidak puas hati mula terbuka pada rakyat, dan sindiran secara kiasan dikeluarkan. Menurut Kamus Dewan edisi ke-4 terbitan 2007 mendefinisikan politik sebagai ilmu pengetahuan berkenaan cara atau dasar-dasar pemerintahan. Ia juga dipanggil ilmu siasah (berasal daripada bahasa Arab) atau ilmu kenegaraan. Politik Islam dikenali sebagai *siasah syar'iyah* yang membawa maksud mengurus atau mengatur perkara mengikut syariat Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.. Jadi, politik (*siasah*) tersebut bermaksud pengurusan dan pentadbiran orang yang diurus. Lalu, kata tersebut digunakan dalam pengurusan urusan-urusan manusia. Pihak yang melaksanakan urusan-urusan manusia tersebut dinamakan ahli politik (*siasiyun*).

Dalam bahasa Arab, politik disebut *Al-siasah* yang bermaksud menguruskan sesuatu urusan dan memperbaikinya. *Al-siasah* atau politik dari sudut istilah pula mempunyai beberapa pengertian. Antara pengertiannya ialah mentadbir urusan negara. Politik merupakan satu ilmu atau kemahiran untuk memerintah negara. Sebenarnya politik merupakan ilmu dan kemahiran. Ia merupakan ilmu kerana ia mempunyai prinsip-prinsip dan disiplin-disiplin tertentu yang keseluruhannya membentuk “ilmu politik”. Politik juga dikatakan sebagai kemahiran kerana dalam realiti pelaksanaannya ia tidak mungkin terhad kepada semata-mata melaksanakan undang-undang yang bersifat teori dan tidak juga pada pelaksanaan sebenar kekuasaan atau kekuatan, malah ia menuntut kepakaran tertentu yang diperoleh melalui pengalaman dan pengetahuan mengenai kaedah-kaedah praktikal yang tertentu (Benjamin Jowett, 1999)

Politik dari sudut bahasa yang mudah untuk difahami menurut sebahagian ilmuan adalah melaksanakan sesuatu dengan memastikan kebaikan pada perkara itu. Manakala dari sudut kemasyarakatan bermaksud mengurus secara bijaksana dan pandangan dengan analisis yang tajam terhadap kesan sesuatu tindakan. Ia juga membawa makna sekumpulan hal ehwal urusan yang berkaitan dengan pentadbiran negara. Politik juga dapat diertikan sebagai satu kegiatan ummah menyokong dan mendokong usaha melaksanakan syariat untuk merealisasikan Islam yang syumul dapat dipraktikkan melalui sebuah institusi yang menjadi penerajunya (Dr. Abdul Karim Zaidan, 2010). . Oleh yang demikian, di dalam penghasilan karya yang bertemakan politik, penyampaian mesej yang padu perlu dititik beratkan menerusi garapan simbol, metafora dan lebih bercirikan sindiran.

Sindiran adalah bahasa yang ditujukan untuk menyatakan sesuatu kepada seseorang, tanpa menyebut atau menyatakan secara tepat. Menurut Kamus Dewan Edisi Ke-4 terbitan 2007, 'sindir' bermaksud mengeji, mengejek, atau mencela tidak dengan terus terang atau secara berkias. Sindiran disampaikan secara sinis atau dengan berkias atau melambangkan dengan perkara yang lain kerana ia tidak dinyatakan atau secara tidak berterus-terang ditujukan tepat pada seseorang. Oleh itu, sindiran sesuai dengan tujuannya untuk menyindir kepada sesiapa tanpa menyebut secara tepat kerana penggunaannya hanya dikiaskan dengan perkara yang lain.

Penulisan ini bertujuan untuk menzahirkan ideologi politik dalam budaya masyarakat dalam bentuk pernyataan sindiran kepada bentuk visual. Isu yang diketengahkan amat popular dikalangan masyarakat, bukan sekadar di Malaysia, malah seluruh dunia. Penyampaian sindiran terhadap politik melalui karya seni adalah untuk mengenalpasti, meneliti dan menilai aspek-aspek politik sezaman. Selain itu juga, aspek nilai estetika turut diberi penekanan dalam penghasilan karya.



Rajah 1.1: Contoh karya yang mengengahkan konsep sindiran di dalam penghasilan karya. Samsudin Wahab “*Powerless*”, 2008, Media campuran atas kanvas, 83 cm x 152 cm.


Dalam membaca sesebuah karya, penggunaan teori Edmund Feldman merupakan salah satu daripada kaedah pembacaan karya yang terbaik. Merujuk kepada karya “*Powerless*” di atas, di dalam kaedah deskripsi karya, seniman menggunakan imejan perkataan “*POWERLESS*” sebagai latar karya, menggunakan imejan dua ekor monyet spesies cimpanzi yang sedang bermain tujuh “*juggle*” dan menggambarkan cimpanzi tersebut di dalam berpakaian sut formal. Imej tersebut diletakkan sebagai latar tengah karya dan

akhir sekali seniman tersebut menggunakan imejan-imejan awan kelabu sebagai objek yang paling hadapan.

Langkah seterusnya merupakan langkah menganalisis karya dengan mengambil kira unsur dan prinsip seni. Di dalam karya ini, unsur seni yang diambil kira adalah dari segi adaptasi unsur garisan, antaranya padanan "*horizontal line*" yang menjadi sebahagian daripada kesan khas pada karya, "*calligraphic line*" dimana ianya membentuk perkataan "*POWERLESS*", tidak lupa juga kepada "*lyrical line*" yang terdapat pada imejan awan dan juga pada imejan chimpanzi. Penggunaan rupa yang didalam karya ini antaranya adalah rupa organik contohnya pada awan dan geometrik seperti yang tergambar di perkataan "*POWERLESS*" itu. Penggunaan unsur bentuk pula terbentuk melalui mainan nilai dan tona warna yang diadaptasi pada setiap imejan dalam karya. Penggunaan warna yang dipilih juga adalah merupakan warna-warna sejuk seperti coklat gelap, kelabu, hitam dan diseimbangkan dengan penerapan nilai kontras dengan meletakkan sentuhan warna merah sebagai sebahagian daripada latar karya. Berbicara pula mengenai keseimbangan, karya ini menyampaikan keseimbangan dengan meletakkan komposisi objek yang hampir tepat antara kiri dan kanan karya.

Langkah seterusnya merupakan langkah mentafsir karya dengan mengambil kira metafora di sebalik pemilihan dan perletakkan objek di dalam karya ini. Perkataan "*POWERLESS*" yang dijadikan sebagai penegasan di dalam karya ini memberikan definisi kekuatan dan kekuasaan. Disokong dengan imejan dua ekor chimpanzi yang berpakaian formal yang sering dipakai golongan yang berpangkat atau golongan yang mempunyai kuasa. Namun disamping berpakaian formal, dua ekor chimpanzi itu digambarkan seolah-olah sedang melontarkan "*juggle*" dimana perlakuan ini merupakan sebahagian daripada permainan "*juggle*" yang sering dimainkan di dalam aktiviti sarkas. Jika diteliti, gabungan imejan-imejan tersebut sekaligus melontarkan satu pandangan atau satu situasi yang berkaitan dengan dunia politik. Dimana chimpanzi yang membawa peranan individu berpangkat membuat perlakuan seperti di dalam sarkas sekaligus mencerminkan keadaan politik semasa yang sering berubah-ubah dan adakalanya seperti menerapkan konsep "*one day policy*" dimana ada sahaja peraturan baru, kadar kenaikan baru mahupun kenyataan menteri-menteri yang tidak mencerminkan kewibawaan di dalam menerajui negara. Tidakkah ini menggambarkan keadaan rakyat yang seolah-olah hidup di dalam sarkas? dan tidakkah pemerintahan dan pentadbiran negara semasa juga seolah-olah ditadbir oleh individu-individu yang cetek akal dan kurang serius di dalam memperjuangkan hak rakyat?

Berdasarkan analisis yang telah dibuat, karya ini menggunakan gaya "*Pop Surelisme*". Gaya "*Pop surelisme*" dapat dilihat pada penekanan imej chimpanzi sebagai watak utama dalam karya. Walaupun begitu, maksud karya ini tidak dipaparkan secara umum. Penelitian dari segi idea pula, mendapati gabungan imej dalam karya ini, melontarkan satu pandangan atau satu situasi yang berkaitan dengan dunia politik. Dimana chimpanzi yang membawa peranan individu berpangkat membuat perlakuan seperti di dalam sarkas sekaligus mencerminkan keadaan politik semasa yang sering berubah-ubah. Pendekatan yang digunakan dalam karya ini adalah "*Pop Surelisme*" dan idea abstrak. Manakala konteks karya, pengamatan terhadap karya dan penulisan tentang karya ini, jelas menyatakan karya ini berunsur sinikal terhadap politik dan komposisinya pula dipadankan dengan reka letak poster propaganda klasik.



Rajah 1.2: Noor Azizan Rahman Paiman, 05 Julai 2008, 2008, Cat air dan cetakan dakwat atas kertas, 21 cm X 29 cm.

Beralih kepada hasil karya Encik Azizan Rahman bin Paiman pula, pengkarya telah menggunakan helaian diari harian sebagai latar karya ini kerana terdapat tarikh pada bahagian atas helaian tersebut. Terdapat juga figura seorang individu yang kelihatan seperti lelaki menghiasi bahagian tengah karya dan juga terdapat kenyataan yang dipetik daripada akhbar atau daripada audio percakapan seorang individu yang menjadi imejan paling hadapan di dalam karya. Kenyataan itu pula berbunyi, *“I will throw the file at their faces if the judges are not fit to hear my case”* dimana terjemahannya menerangkan “saya akan melontarkan fail ke muka mereka jika juri tidak mahu mendengar kes saya”. Penghasilan karya ini kelihatan ringkas namun sarat dengan idea.

Ini kerana di dalam proses analisis karya, pengarya menggunakan penggunaan garisan yang lebih bercirikan *“lyrical line”* dimana kelihatan pengayaan unsur garisan yang lebih bersifat beralun, bersahaja dan spontan. Jenis garisan *“calligraphic line”* telah digunakan di dalam penulisan teks yang terdapat pada karya ini. Rupa yang digunakan juga lebih banyak menggunakan rupa organik dan juga menggunakan rupa asas seperti bujur dan bulat. Di dalam karya ini, penggunaan warnanya terhad kepada warna-warna panas seperti coklat cair, kuning, biru langit dan merah samar. Visual figura tersebut dilukis bersesuaian dengan pengayaan garisan yang bersahaja tadi dan kedudukan figura tersebut yang diletakkan ditengah-tengah karya berjaya menimbulkan satu penegasan dimana mata akan tertumpu kepada figura tersebut sebelum menyorot ke elemen-elemen lain. Ia turut menjadikan karya ini seimbang. Dari sudut pemerhatian lain, prinsip seni seperti komposisi dan reka letak lebih bercirikan statik kerana hanya bergantung kepada imej tunggal dan teks.

Di dalam interpretasi karya ini, secara literalnya karya ini dihasilkan berdasarkan kepada pemerhatian pengkarya kepada dunia politik semasa. Keadaan ini dizahirkan dengan penggunaan teks ucapan atau kata-kata yang telah dipetik daripada individu Anwar Ibrahim dimana beliau merupakan seorang individu berpengaruh dalam dunia politik Malaysia dan merupakan ketua parti pembangkang sehingga kini. Sejalan dengan susur masa yang telah digunakan oleh pengkarya dimana beliau menjadikan helaian diari bertarikh 05 Julai sebagai latar kerana pada ketika itu kes Anwar Ibrahim hangat diperkatakan samada dari segi kes yang melibatkan politik mahupun peribadi. Jelas dan nyata bahawa pengkarya cuba memvisualkan Anwar Ibrahim melalui imejan figura di dalam karyanya. Berdasarkan karya ini, memaparkan gaya *“Surelisme”* kerana penggunaan imej tidak menekankan kepada maksud yang ingin disampaikan. Sejalan dengan susur masa yang telah digunakan oleh pengkarya dimana beliau menjadikan helaian diari bertarikh 05 Julai sebagai latar kerana pada ketika itu kes Anwar Ibrahim hangat diperkatakan samada dari segi kes yang melibatkan politik mahupun peribadi.

Pendekatan yang digunakan dalam karya ini adalah “*Surelisme*” dan idea abstrak. Karya ini jelas, menunjukkan penekanan terhadap politik. Ini dapat dilihat dengan jelas pada penggunaan imej dengan padanan kenyataan daripada ahli politik.



Rajah 1.3: Juhari Said, Katak Hendak Jadi Lembu (*Proverb series*), 1997. Cetakan blok atas kertas, 73cm X 54cm.

“Katak Hendak Jadi Lembu” adalah sebuah karya seni cetak yang dihasilkan oleh artis yang terkenal iaitu Juhari Said. Imejan katak tersebut dipadankan dengan kepala lembu. Juga terdapat seperti ekor ikan dipadankan pada bahagian ekor katak tersebut. Beliau mempersembahkan karya ini dengan menggunakan warna hitam dan putih sahaja. Beliau menggunakan cetakan blok sebagai medium.

Unsur seni yang jelas digunakan dalam diterapkan di dalam penghasilan karya ini antaranya adalah unsur garisan. Kelihatan pengkarya menggunakan “*structured line*” dimana jelas kelihatan pada bahagian kaki subjek. Kesan “*structured line*” ini mungkin terhasil secara spontan ketika proses torehan sementelah karya ini telah dihasilkan dengan menggunakan teknik cetakan blok. Selain daripada itu, jenis “*lyrical line*” juga banyak digunakan sebagai garis yang membentuk subjek utama.

Unsur rupa yang digunakan di dalam pengasilan karya ini lebih kepada rupa organik. Penegasan di dalam karya ini amat terhad ekor daripada perletakkan objek tunggal di tengah-tengah karya. Penggunaan warna juga terhad kepada hitam dan putih sahaja dan disebabkan karya ini hanya menumpukan kepada satu objek, maka reka letak karya telah disokong dengan keseimbangan simetri yang terdapat pada kiri dan kanan karya. Tafsiran dalam karya ini, menampakkan bahawa Juhari Said cuba menyampaikan maksud peribahasa katak hendak jadi lembu. Karya beliau berunsur sinikal dengan menterjemahkan peribahasa melayu dalam karya. Beliau menterjemahkan peribahasa Katak hendak Jadi lembu yang membawa maksud hendak meniru-niru kelakuan (perbuatan) orang besar. Dalam karya ini, menampakkan visual seekor katak yang menyerupai lembu. Figura katak dipadankan dengan figura lembu, menjadi satu bentuk figura yang lain. Hal ini, dapat dilihat dengan jelas pada visual karya yang diketengahkan oleh beliau.

Penyelidik mempunyai kesukaran mencari gaya dalam karya ini, kerana bentuk yang ditunjukkan menyerupai separuh abstrak di atas imejan yang ditunjukkan. Oleh itu, penyelidik membuat kesimpulan gaya karya ini juga adalah “*Surelisme*” kerana ia menunjukkan padanan dua imej subjek kajian menjadi satu. Dalam karya ini, pelukis cuba menterjemahkan peribahasa Katak hendak Jadi

lembu yang membawa maksud hendak meniru-niru kelakuan (perbuatan) orang besar. Pendekatan yang digunakan dalam karya ini adalah “*Surelisme*” dan idea kompleks. Karya ini juga, menunjukkan penggunaan peribahasa melayu dalam menyampaikan karya. Maksud peribahasa tersebut juga jelas ditunjukkan pada penggunaan imej yang ditekankan.

Menerusi analisis karya yang telah dinyatakan tadi, ternyata keberkesanan penyampaian karya dalam bentuk sinis atau kritikan makin mendapat perhatian daripada audien atau penggumpul seni. Ini kerana penyampaian maksud karya tidak disampaikan secara terus-menerus tetapi secara kiasan dalam bentuk visual. Penggunaan imejan yang berlainan dengan maksud yang tersirat. Kajian ini juga dibuat untuk menyampaikan sindiran terhadap dunia politik dalam bentuk karya catan dengan lebih kritis dan kreatif. Isu yang diketengahkan amat popular dikalangan masyarakat, bukan sekadar di Malaysia, malah seluruh dunia. Penyampaian sindiran terhadap politik melalui karya seni adalah untuk mengenalpasti, meneliti dan menilai aspek-aspek politik sezaman.

Penulisan ini juga diharap dapat memberi manfaat dan pemahaman yang luas terhadap politik. Adalah diharapkan hasil kajian ini akan dapat mengubah persepsi bentuk pernyataan sindiran kepada sindiran yang berbentuk visual malah mewujudkan kesedaran dikalangan masyarakat bahawa sindiran bukan sahaja boleh berlaku secara lisan tetapi boleh disampaikan secara visual. Akhir sekali, penulisan ini diharapkan mampu mencetuskan kecenderungan masyarakat untuk menghayati karya seni dengan lebih mendalam.

Rujukan

- Abdul Karim Z. (2010). Umat dan Negara dalam Syariat Islam, Malaysia, Malaysia: Utusan Malaysia.
- Ahmad K. & Hamid M. L. (2005). Adat, Pantang Larang, Petua & Fatwa Dalam Masyarakat Melayu. Sintok, Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Almod, G & Verba, S. (1963). The Civic Culture: Political Attitudes and Democracy in The Five Nations. Princeton: Princetone University Press.
- Aronson, E., & Wilson, T. (2008). Social psychology (6th Ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Prentice-Hall.
- Barrett, T. (1994). Criticizing Art: Understanding the Contemporary. Mountain View, California: Mayfield Publishing Company.
- Benjamin J. (1999). Politics Aristotle. Kitchener: Batoche Books.
- Carole G. & Julian M. (1993). Research Procedures / Methodology for Artists & Designers. Proceeding Paper.
- _(1995). Appropriate Research Methodologies for Artists, Designers & Craftspersons: Research as a Learning Process. Proceeding Paper.
- _(2004). Visualizing Research: A Guide to the Research Process in Art & Design. England: Ashgate Publishing Company.
- Crispin S. (2010). American Society for Aesthetic Winter 2010, Vol 30 no.3: Art & Politics. USA: America Newsletter.
- David A. (2010). Evolving News: The Post Modern Revolution & Anthroposophical Art. USA: Evolving News. p.27-39.
- Eddy S. (2008) C Arts – Asian Contemporary Art And Culture, Vol.1: Nu Fang Lijun- Cynical Allusions. Singapura: United Publishing Pte. Ltd. p.102-106.
- Elizabeth G. & Laura B. (2009). Creative Art Reseach: Narrative of Methodologies and Practice. Melbourn, Australia: Sense Publisher.

- Eva M.G. (2009). Asia Art Archive - Perspective: The Politic of Play in Malaysian Art. Diambil pada 16/11/2014, daripada www.aaa.org.hk/Diaaalogue/Details/740.
- Feldman, E. B. (1994). *Practical Art Criticism*. Prentice Hall: Upper Saddle River, NJ
- Fernie, E. (2005). *Art History and its Methods: A critical anthology*. London: Phaidon, p. 361.
- Koffka, K. (1935). *Principles of Gestalt psychology*. New York: Harcourt, Brace.
- Muliyadi Mahamood. (2004). *Segerak Yusof Ghani*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Murray E.(1995). *From Art to Politics: How Artistic Creations Shape Political Conceptions*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Nik Anuar N.M. (1999). *Sejarah Perjuangan Melayu Pantani (1785-1954)*. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Azizan R.P.(2009). *Malaysia 360 Days Of 2008*. Kuala Lumpur: Wei-ling Gallery.
- _(2012). *Ali Baba and The Forty Theives*. Kuala Lumpur: Wei-ling Gallery